

Oleh Nor Hatina Shuib  
hatina@bh.com.my

Kalau sudah jodoh tidak ke mana, namun hakikatnya pernantian itu suatu penyeksaan. Apakah lagi, apabila kerap diajukan soalan, bila mahu kahwin?

Itu antara dilema dialami wanita yang masih membujang. Apabila acap kali diajukan pertanyaan sama seumpama itu dan tidak mampu memberi jawapan pasti, sudah tentu ia boleh memberi impak kepada emosi empunya diri.

Masih tidak memegang status isteri dan ibu, tidak dinafikan pasti berasa resah tetapi ada juga yang menganggap, ia sebagai suratan serta tidak memberi sedikit pun kesan kepada kehidupan dilalui.

Apa saja alasan diberikan bagi mereka yang masih tidak mendirikan rumah tangga perlu disambut dengan rasa hormat. Ini kerana jodoh pertemuan di tangan Tuhan.

Ada yang tidak berkahwin atas beberapa alasan biasa didengar seperti komitmen kepada kerjaya, takut untuk ada komitmen dalam perhubungan, kisah silam, putus tunang mahupun pernah dicurangi pasangan.

#### Belum tiba masa

Sama seperti Norsalamah Yusof, 34, yang menganggap jodohnya masih belum tiba tetapi tidak pernah menolak jika ditadirkannya bertemu jodoh dalam masa terdekat.

Eksekutif sebuah syarikat insurans ini, berkata setiap orang pasti ada naluri untuk berkahwin tetapi jodoh itu bukan sesuatu yang boleh dipaksakan.

"Mungkin ini takdir saya. Selepas tamat sekolah menerengah, saya melangkah ke universiti, kemudian bekerja, sedar tidak sedar, umur semakin bertambah," katanya.

Wanita ini tidak pernah berniat untuk mengosongkan hati tanpa lelaki, namun beliau menemui pelbagai duaan sepanjang percintaan pernah dilalui.

"Saya ada berkenalan dan mempunyai teman lelaki sebelum ini. Tetapi kebanyakannya yang saya kenal cuma mahu berkawan dan tiada yang mengajak berkahwin."

"Selepas itu, saya mula berasa perkahwinan ini sesuatu yang mencabar. Bagi saya, jika mahu berkahwin perlu ada duit yang banyak. Apakah lagi hidup di Kuala Lumpur," katanya.

#### Tidak pilih jodoh

Kata Norsalamah, ramai punya persepsi, wanita yang tidak mendirikan rumah tangga terlalu memilih. Beliau menyangkal dakwaan



# Belum temu jodoh

» Wanita ada hak dapat calon terbaik, lambat atau cepat bergantung kepada takdir

seperti itu.

"Saya tidak keterlaluan dalam memilih, namun setiap wanita ada hak untuk mendapat yang terbaik. Lagipun, penampilan saya biasa saji. Mungkin lelaki sukar mahu mendekati. Memang susah untuk saya temui lelaki yang katakan ya untuk berkahwin," katanya.

Anak kelahiran Tangkak, Johor ini berkata, sepanjang percubaan mencari jodoh, sudah tiga kali beliau kecundang. Malah, kesilapan bukan datang daripadanya.

"Saya tidak bertuah kerana berjumpa dengan lelaki curang. Bayangkan, percintaan selama lima tahun berakhir begitu saja. Selepas kejadian itu, saya mula serik untuk berkawan dengan lelaki.

**Keluarga memahami**  
"Susah saya mahu percaya lelaki kerana terlalu kecewa. Apakah lagi umur semakin meningkat. Kadangkala, ada timbul di hati, kita sudah bersedia untuk ke alam perkahwinan, tetapi jodoh sensitif tidak lekat."

"Namun, syukur kerana keluarga amat memahami. Mereka tidak mendesak saya untuk cepat mendapatkan jodoh. Lagipun, ada beberapa kawan seusaia saya masih belum berkahwin," katanya.

Beliau cuma doakan yang terbaik, malah tidak pernah menutup pintu hati ke atas mana-mana lelaki. Cuma sebagai wanita, beliau mengharapkan dipertemukan jodoh dengan lelaki yang cukup asas agama, menghormati keluarganya dan boleh menyara kehidupan mereka

sekeluarga kelak.

#### Pelbagai faktor

Perunding Psikologi Kanak-Kanak, Remaja dan Dewasa yang juga Kaunselor Berdaftar Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata terdapat pelbagai faktor dalam isu ini.

Faktor utamanya adalah bersifat peribadi sosial yang dialami atau dipegang oleh seseorang individu.

"Faktor pendidikan pula adalah kesedaran ibu bapa pada hari ini yang bertanggapan, pendidikan kepada anak baik lelaki atau perempuan sama penting menyebabkan mereka memastikan wanita mendapat pendidikan sebaik mungkin, malah mahu lebih baik daripada lelaki," katanya.

Justeru, ada sesetengah wanita yang fokus dalam pendidikan mereka dan kerjaya sehingga tidak punya ruang untuk memikirkan perkahwinan.

Selain itu, faktor material turut menjadi keutamaan, maka ramai individu memilih untuk memenuhi kehendak dan keperluan diri akibat desakan ekonomi yang semakin tinggi dari segi kos hidup.

Kesannya, fitrah kejadian untuk hidup berpasangan semakin terhakis dan menghilang, selain sifat lebih gemar berdikari serta selesa bersendiri tanpa pasangan yang terikat juga antara faktor kepada situasi ini.

"Mereka ini mempunyai kefahaman bahawa perkahwinan itu sesuatu perkara yang kompleks. Oleh itu, mereka memilih untuk

hidup bujang yang lebih mudah dan ringkas daripada kehidupan berumah tangga yang memerlukan komitmen serta tanggungjawab tanpa batasan," katanya.

#### Jodoh tuhan tentukan

Faktor jodoh juga perlu diambil kira kerana kita yakin dan percaya jodoh, ajal maut serta rezeki itu adalah rahsia Allah SWT.

"Faktor pengalaman peribadi sosial seperti putus cinta, dikhianati, pengalaman pahit mengenai lelaki juga mempengaruhi seseorang untuk tidak kisah hal perkahwinan."

"Malahan, ada yang agak takut, risau dan trauma dengan perkahwinan disebabkan pengalaman diri atau yang berlaku terhadap orang terdekat," katanya.

Lantas, dalam kes kaunseling keluarga dan perkahwinan, setiap isu serta faktor dibincangkan bersama pelanggan dalam suasana penuh terapeutik dan luahan perasaan diperincikan secara bersemuka.

"Terdapat kes mereka ini berasa tertekan atau tercedera

ra emosi akibat pandangan masyarakat luar terhadap status bujang pada lewat usia. Tanggapan negatif dan pre-judis secara tidak langsung, memberikan tekanan kepada individu terbabit. Reaksi dan stigma masyarakat mula mengganggu emosi individu berkenaan," katanya.

#### Tangani menerusi kaunseling

Malah, menerusi sesi kaunseling, tumpuan dan fokus diberikan kepada reaksi perasaan pelanggan. Bagi individu yang tiada punca lain dan hanya faktor belum sampai jodoh, maka perincian diberikan kepada kaedah atau panduan perhubungan psikososial.

"Sebaliknya, bagi faktor peribadi seperti pilihan untuk hidup tanpa pasa-



“Faktor pengalaman peribadi sosial seperti putus cinta, dikhianati, pengalaman pahit mengenai lelaki juga mempengaruhi seseorang untuk tidak kisah hal perkahwinan”

**Siti Fatimah Abdul Ghani,**  
Perunding Psikologi Kanak-Kanak, Remaja dan Dewasa / Kaunselor Berdaftar UPM

ngan, fokus diberikan kepada kemahiran adaptasi diri dengan persekitaran yang mendesak dan membangkitkan nilai jati diri dalam hidup,” katanya.

Sementara itu, bagi kes trauma, risau atau takut dengan ikatan perkahwinan disebabkan pengalaman sendiri atau yang dialami orang lain, matlamat sesi kaunseling juga berbeza.

"Bagi kes sebegini pelanggan dibantu untuk melihat realiti yang lebih luas. Ia bertujuan membimbang pelanggan dengan cara yang berkesan bagi mengasingkan pengalaman yang ditakuti itu."

"Apa sekalipun, matlamat sesi kaunseling diputuskan oleh pelanggan berdasarkan tujuan hadir ke sesi kaunseling," katanya.

